

**Calon BN PRK DUN Sungai Limau Diumum 21 Okt - Muhyiddin
Bernama
8 Oct, 2013**

YAN, 8 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau akan mengumumkan nama calon Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau pada 21 Okt ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata senarai calon itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam masa terdekat ini untuk dipertimbangkan.

"Ramai yang berkecualan. Yang pasti kita akan ambil kira pandangan negeri dan bahagian. Mereka juga ada nama tokoh-tokoh yang sesuai. Ini diambil kira.

"Nama calon akan diumumkan pada 21 Okt. Saya sendiri akan buat pengumuman. Harapan saya proses pilihan raya kecil (akan) berjalan baik.

"Diharapkan mereka (pengundi DUN Sungai Limau) beri sokongan kepada BN," katanya kepada pemberita pada Selasa selepas mengadakan pertemuan dengan pimpinan BN dan UMNO negeri Kedah serta Bahagian Jerai di pekan Sungai Limau di Yan.

Suruhanjaya Pilihan Raya sudah pun menetapkan Pilihan Raya Kecil DUN Sungai Limau diadakan pada 4 Nov manakala hari penamaan calon ditetapkan 23 Okt.

Kerusi DUN Sungai Limau yang terletak dalam kawasan Parlimen Jerai diisytihar kosong berikutan kematian penyandang Tan Sri Azizan Abdul Razak yang juga bekas Menteri Besar Kedah, pada 26 Sept lepas.

Pada pilihan raya umum ke-13 Mei lalu, Azizan mempertahankan kerusi DUN Sungai Limau yang dimenangnya sejak 1995 untuk PAS, dengan menewaskan sepupu beliau Fazillah Mohd Ali yang mewakili BN dengan majoriti 2,774 undi.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984037>